

U B181 AAB  
MAHATHIR - PILIHANRAYA

ALOR SETAR, 15 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TERUS MERAHSIAKAN TARIKH PILIHANRAYA UMUM AKAN DATANG DAN HANYA BERKATA +IA AKAN DIADAKAN BUKAN SELEPAS APRIL 1987+.

BELIAU MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR SELEPAS MENGADAKAN PERTEMUAN TERTUTUP DENGAN 1,600 ORANG PEMIMPIN UMNO KEDAH DI SINI HARI INI BAHAWA PILIHANRAYA PASTI DIADAKAN TIDAK SELEPAS APRIL 1987 (TARIKH TAMAT TEMPOH LIMA TAHUN KERAJAAN SEKARANG).

KATANYA DALAM PERJUMPAAN TERTUTUP ITU BELIAU MENERANGKAN SEJARAH PERJUANGAN, PERANAN DAN TUGAS UMNO TERHADAP MASYARAKAT.

TEGAS BELIAU ORANG-ORANG MELAYU DAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO HARUS MENGEKALKAN PERPADUAN.

MUSUH UMNO BUKAN SAHAJA DARI LUAR TETAPI JUGA TERDIRI DARIPADA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI ITU SENDIRI YANG MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN DIRI, KATA BELIAU. -- LAGI

MAHATHIR - PILIHANRAYA 2 ALOR SETAR

+MEREKA INI SANGGUP BUAT APA SAHAJA UNTUK MELEMAHKAN UMNO BAGI MENCAPAI CITAI-CITA MEREKA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO.

BELIAU MENYERU ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TERUS MENJAGA PERPADUAN UNTUK MELINDUNGI SERTA MEMPERTAHANKAN KEPENTINGAN AGAMA ISLAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATI ORANG-ORANG MELAYU YANG BELUM BERPARTI SUPAYA MEYOKONG DAN MENGANGGOTAI UMNO.

WALAU PUN UMNO KINI MEMPUYAI 1.2 JUTA ANGGOTA, IA MENERIMA KEANGGOTAAN BARU BAGI MENJAMIM PERPADUAN DAN MENGUKUHKAN KEDUDUKAN ORANG-ORANG MELAYU SENDIRI.

MENGENAI UCAPANNYA KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DI JITRA MALAM TADI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MENJELASKAN PENDIRIANNYA TERHADAP PAS. -- LAGI

U B183 AAB

MAHATHIR - PILIHANRAYA 3 ALOR SETAR

MENGENAI DAKWAAN NAIB YANG DIPERTUA AGUNG PAS, HAJI NAKHAIE HAJI AHMAD BAHAWA KERAJAAN TIDAK MERANCANG EKONOMI TERSUSUN HINGGA MENYEBABKAN RAKYAT MENGALAMI KESULITAN, PERDANA MENTERI BERKATA PEMIMPIN PAS HANYA PANDAI BERCAKAP.

+APAKAH YANG AKAN DIBUAT OLEH PAS MENGENAI KEJATUHAN HARGA GETAH SEKARANG?+ TANYA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA INGIN TAHU DARIPADA PARA PEMIMPIN PAS MENGENAI CARA-CARA UNTUK MENGATASI KEJATUHAN HARGA BARANGAN UTAMA DI PASARAN DUNIA SEKARANG. -- BERNAMA